

Praktis 2

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Mahmud suka membaca majalah sukan permotoran malah adiknya suka bermain permainan komputer.

- (ii) Lori pasir yang dipandu laju dan sarat dengan muatan itu terbabas serta melanggar sebuah kereta dari arah yang bertentangan.

- (iii) Perangai Nezam berubah menjadi nakal sekiranya dia bergaul dengan budak-budak nakal di sekolahnya.

- (iv) Pertandingan akhir bola sepak Piala Malaysia terpaksa dihentikan jika berlaku pergaduhan antara pemain.

- (v) Borhan membaca buku rujukan sementara menggariskan isi-isi penting.

Praktis 3

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Siti merupakan murid yang amat rajin atau disenangi oleh semua murid termasuk guru.

- (ii) Hartawan yang tinggal di banglo tersebut bukan sahaja sombong namun suka menghina orang miskin.

- (iii) Encik Yap mengalami kesakitan di pinggangnya semasa terjatuh dari katil.

- (iv) Farid sanggup membeli komputer riba yang mahal itu apabila terpaksa berhutang dengan kawannya.

- (v) Semua penduduk kampung sedar yang anak Mak Limah seorang yang baik hati.
